

Headline	UK iktiraf ahli botani FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 May 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	18	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	877 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,492
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,476



alam

UK iktiraf ahli botani FRIM

Sumbangan Prof. E Soepadmo dihargai



SOEPADMO tekun ketika menjalankan tugas.

AHLI botani Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Prof Dr E. Soepadmo, telah dipilih sebagai penerima anugerah berprestij, *Linnean Medal* oleh Persatuan Linnean di London, sekali gus menjadikan beliau penyelidik pertama FRIM yang mendapat penghormatan tersebut.

Soepadmo yang lebih dikenali sebagai 'Bapak', telah mula berkhidmat di FRIM sejak tahun 1993.

Beliau diberi anugerah tersebut sebagai pengiktirafan atas sumbangan cemerlang sepanjang hayat dalam bidang botani terutamanya taksonomi dan sistematik; serta peranannya sebagai mentor generasi ahli botani baru di Malaysia dan rantau Asia.

Ditubuhkan pada 1788, Persatuan Linnean merupakan persatuan biologi aktif yang tertua di dunia. Ia memainkan peranan utama dalam pendokumentasian flora dan fauna dunia yang penting untuk pemuliharaan kepelbagaian biologi. Pingat 'Linnean' yang bermula pada 1888 disampaikan setiap tahun sebagai tanda penghormatan dan penghargaan bagi perkhidmatan kepada bidang sains.

Bagi pihak persatuan berkenaan, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, **Vicki Treadell**, telah menyampaikan anugerah tersebut kepada Soepadmo pada satu majlis yang diadakan di kediaman rasminya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Treadell memuji Soepadmo atas sumbangan beliau kepada bidang sains.

Dalam ucapannya, Treadell mengambil kesempatan untuk mengimbas kembali sejarah panjang kolaborasi antara United Kingdom (UK) dan Malaysia, dengan menjadikan sebagai contoh hubungan antara FRIM dan *Royal Botanic Garden Kew* yang telah bermula sejak tahun 1929 ketika FRIM ditubuhkan.

"Prof Soepadmo adalah kebanggaan komuniti saintifik di Malaysia dan menjadi inspirasi kepada semua dalam komuniti penyelidik antarabangsa," ujarnya.

Menyorot lebih kebelakang pula ialah ekspedisi Alfred Russel Wallace (yang merupakan seorang ahli alamiah, pengembara, ahli geografi, antropologi serta biologi), ke Kepulauan Melayu.

Beliau mendapat idea mengenai 'pemilihan semula jadi' (*natural selection*) semasa berada di Kepulauan Borneo pada 1855 yang membawa kepada penerbitan kertas-kertas bersejarah oleh Charles Darwin dan Alfred Russel Wallace mengenai evolusi melalui pemilihan semula jadi. Ia merupakan teori-teori yang mentransformasikan pemahaman mengenai dunia semula jadi (*natural world*)



DR.ABD. LATIF MOHMOD (tengah) bersama Vicki Treadell dan Soepadmo pada majlisenganugerahan di ibu negara baru-baru ini.

"Kita ingin melihat hubungan saintifik antara UK dan Malaysia terus kukuh "Kerajaan British, melalui pembentukan Tabung Newton-Ungku Omar bersedia memberi sokongan kepada pembangunan saintifik Malaysia untuk perkembangan jangka panjang ekonomi serta kebajikannya secara mampan.

Sementara itu Soepadmo berkata, beliau amat bersyukur dan berterima kasih kerana kerja-kerja selama ini mendapat pengiktirafan.

"Bagi saya, anugerah ini juga menunjukkan betapa pentingnya peranan ahli-ahli botani serta sumbangan sains asas kepada masyarakat," kata beliau.

Ketua Pengarah FRIM **Dr. Abd Latif Mohmod**, yang turut hadir pada majlis tersebut, melahirkan rasa gembiranya dengan pengiktirafan yang diterima oleh Soepadmo.

"Saya berasa gembira untuk Bapak. Beliau telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Herbarium Kebangsaan di FRIM dan memberi sumbangan yang besar terhadap pertumbuhan saintis muda di FRIM. Ramai dalam kalangan mereka telah mencapai kecemerlangan serta mendapat pengiktirafan dalam bidang masing-masing."



Saya berasa gembira untuk Bapak. Beliau telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Herbarium Kebangsaan di FRIM dan memberi sumbangan yang besar terhadap pertumbuhan saintis muda di FRIM. Ramai dalam kalangan mereka telah mencapai kecemerlangan serta mendapat pengiktirafan dalam bidang masing-masing."

FAKTA

Prof. Dr. E. Soepadmo

- **Lahir:** 13 Mac 1937
- **Tempat lahir:** Kg. Tegal, Kartosuro kira-kira 40 km dari Kota Solo, Jawa Tengah, Indonesia.
- **Pendidikan:** Ijazah doktor falsafah dari University of Cambridge pada 1966 di bawah penyeliaan E.J.H. Corner
- **Perkhidmatan:**
 - Pensyarah Botani Tropika dari 1968 hingga 1978.
 - Profesor Ekologi Universiti Malaya dari 1978 hingga 1993.
 - Penyelaras dan Ketua Editor bagi *Projek Tree Flora of Sabah and Sarawak* di FRIM sejak 1993.
- **Sumbangan dan pengiktirafan**
 - Menemukan 56 spesies tumbuhan dan pokok hutan tropika.
 - Menamakan enam spesies tumbuhan sempena nama beliau iaitu *Actinodaphne soepadmoi* Julia (Lauraceae), *Aglaia soepadmoi* CM Pannell (Meliaceae), *Cinnamomum soepadmoi* Kostermans (Lauraceae), *Ficus soepadmoi* Kochummen (Moraceae), *Syzygium soepadmoi* IPS Ashton (Myrtaceae), dan *Vatica soepadmoi* P.S. Ashton (Dipterocarpaceae).
 - Sumbangan tersebut diberi rakan-rakan seperjuangan sebagai pengiktirafan terhadap sumbangannya ke arah peningkatan pengetahuan berkenaan flora dan kepelbagaian biologi di rantau Asia Tenggara.
 - Soepadmo juga telah menyumbang ke arah penetapan kawasan hutan perlindungan yang penting termasuk Taman Negara Endau-Rompin dan The Royal Belum menerusi pengalaman penyelidikan, perancangan dan pengurusannya.
- **Penerima Anugerah Merdeka pada 2012**
 - Anugerah Saintis Terbaik FRIM 2015.